

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-37

BURSA MALAYSIA BERHAD (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

**DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) ke-37 Bursa Malaysia Berhad (Syarikat) akan diadakan di Ballroom 1, 1st Floor, Sime Darby Convention Centre, 1A Jalan Bukit Kiara 1, 60000 Kuala Lumpur pada hari Khamis, 27 Mac 2014 pada jam 10.00 pagi untuk melaksanakan urusan-urusan berikut:

## Urusan Biasa

1. Untuk menerima Penyata Kewangan Teraudit bagi tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 dan Laporan-laporan Pengarah dan Juruaudit berkaitan dengannya.
2. Untuk meluluskan pembayaran dividen akhir sebanyak 16 sen setiap saham di bawah sistem satu peringkat (*single-tier system*) berhubung tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013. **Resolusi 1**
3. Untuk melantik semula Pengarah-pengarah berikut yang bersara mengikut giliran menurut Artikel 69 Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan yang mana sebagai yang layak telah menawarkan diri mereka untuk dilantik semula:
  - (1) Dato' Saiful Bahri bin Zainuddin **Resolusi 2**
  - (2) Tan Sri Ong Leong Huat @ Wong Joo Hwa **Resolusi 3**
  - (3) Dato' Tajuddin bin Atan **Resolusi 4**
  - (4) Encik Ghazali bin Haji Darman **Resolusi 5**
4. Untuk meluluskan pembayaran yuran Pengarah berjumlah sebanyak RM90,000 setahun bagi Pengerusi Bukan Eksekutif dan RM60,000 setahun bagi setiap Pengarah Bukan Eksekutif berhubung tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013. **Resolusi 6**
5. Untuk melantik Tetuan Ernst & Young sebagai Juruaudit Syarikat bagi tahun kewangan yang akan berakhir pada 31 Disember 2014 dan memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk menentukan ganjaran mereka. **Resolusi 7**

## Urusan Khas

6. Untuk menimbang dan, sekiranya difikirkan wajar, untuk meluluskan Resolusi Biasa berikut menurut Seksyen 129(6) Akta Syarikat, 1965:
  - (1) "BAHAWA Tun Mohamed Dzaidin bin Haji Abdullah, Pengarah Kepentingan Awam yang bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965 adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 8**
  - (2) "BAHAWA Tan Sri Datuk Dr. Abdul Samad bin Haji Alias, Pengarah Bukan Eksekutif Bebas yang bersara menurut Seksyen 129(2) Akta Syarikat 1965 adalah dan dengan ini dilantik semula sebagai Pengarah Syarikat untuk memegang jawatan sehingga berakhirnya mesyuarat agung tahunan Syarikat yang akan datang." **Resolusi 9**
7. Untuk melaksanakan apa-apa urusan lain yang mana notis mengenainya telah diberikan menurut Akta Syarikat 1965 dan Tataurusan Pertubuhan Syarikat.

**SELANJUTNYA DENGAN INI DIMAKLUMKAN BAHAWA** bagi tujuan menentukan kelayakan ahli untuk menghadiri MAT ke-37 ini, Syarikat akan meminta Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd menurut Artikel 49A(2) Tataurusan Pertubuhan Syarikat dan Seksyen 34(1) Akta Industri Sekuriti (Depositori Pusat) 1991, untuk mengeluarkan Rekod Pendeposit Mesyuarat Agung setakat 20 Mac 2014. Hanya pendeposit yang nama mereka tercatat dalam Rekod Pendeposit setakat 20 Mac 2014 sahaja yang layak untuk menghadiri mesyuarat tersebut atau melantik proksi untuk menghadiri dan/atau mengundi bagi pihaknya.

# Notis Mesyuarat Agung Tahunan ke-37

BURSA MALAYSIA BERHAD (30632-P)

(Diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat, 1965)

## NOTIS KELAYAKAN DAN PEMBAYARAN DIVIDEN

**DENGAN INI JUGA DIMAKLUMKAN BAHAWA** tertakluk kepada kelulusan pemegang-pemegang saham bagi pembayaran dividen akhir sebanyak 16 sen setiap saham di bawah sistem satu peringkat (*single-tier system*) berhubung tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 2013 (Dividen) di bawah **Resolusi 1** pada MAT ke-37 Syarikat, Dividen akan dibayar kepada pemegang-pemegang saham pada 16 April 2014. Tarikh kelayakan bagi Dividen adalah pada 3 April 2014.

Pemegang-pemegang saham Syarikat akan layak untuk menerima Dividen hanya bagi:

- (a) sekuriti yang dipindahkan ke dalam akaun sekuriti mereka sebelum jam 4.00 petang pada 3 April 2014 bagi pindahan; dan
- (b) sekuriti yang dibeli di Bursa Malaysia Securities Berhad atas dasar kelayakan menurut Peraturan-peraturan Bursa Malaysia Securities Berhad.